



# KERANGKA MALAYSIA

# MADANI

Sistem Politik dan Perundangan

**WAN AHMAD FAUZI WAN HUSAIN**



DBP

# KERANGKA MALAYSIA MADANI

Sistem Politik dan Perundangan

**WAN AHMAD FAUZI WAN HUSAIN**

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur  
2024

KK 328-320-0502011-49-4552-40101

Cetakan Pertama 2024  
© Wan Ahmad Fauzi Wan Husain 2024

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50928 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-983-49-4552-7

Dicetak oleh  
Mihaz Grafik Sdn. Bhd.,  
No. 9, Jalan SR 4/19,  
Taman Serdang Raya,  
43300 Seri Kembangan,  
Selangor Darul Ehsan.

# KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	vii
<b>BAB 1</b> MALAYSIA MADANI	1
<b>BAB 2</b> KONSEP NEGARA BANGSA	15
<b>BAB 3</b> JATI DIRI BANGSA MALAYSIA	30
<b>BAB 4</b> RAJA BERPERLEMBAGAAN	70
<b>BAB 5</b> KEDAULATAN UNDANG-UNDANG	124
<b>BAB 6</b> KELUHURAN PERLEMBAGAAN	156
<i>Biodata Pengarang</i>	205
<i>Lampiran</i>	209
<i>Bibliografi</i>	233
<i>Indeks</i>	251



# PRAKATA

Dengan nama Allah Tuhan yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih. Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT serta selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Segala nikmat dan kurnia-Nya begitu berharga sehingga tidak dapat dihitung, hanya keampunan dimohon untuk menutupi setiap kekurangan serta keaiban diri.

*Kerangka Malaysia Madani: Sistem Politik dan Perundangan* menghuraikan sumber kuasa undang-undang dan etika tadbir urus yang baik yang mentakrifkan sistem politik dan perundangan bertujuan untuk mengukuhkan konsep Malaysia Madani. Malaysia Madani yang digagaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke-10, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak dibahaskan di sini kerana kupasan dalam buku beliau berjudul *Membangun Negara Madani: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi* sudah cukup menjelaskan objektif, prinsip dan setiap pendekatannya.

M.A.D.A.N.I – Mampu, sejahtera, berDaya cipta, saling menghormAti, punyai keyakiNan, dan bersifat lhsan berasaskan teladan yang ditunjukkan dalam pemerintahan Nabi Muhammad SAW menggariskan nilai sejagat yang jelas

bagaimana ia perlu disulami dalam konsep pembinaan negara bangsa Malaysia.

Kesejahteraan dan hormat merupakan dua nilai Malaysia Madani yang ditonjolkan di sini kerana buku ini turut memfokuskan implikasi sistem politik dan perundangan dalam menguruskan kepelbagaian isu yang mencabar kerukunan hidup rakyat Malaysia. Menurut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke-10:

Kalimah sejahtera sering membawa makna keseimbangan, atau lebih tepat lagi kehidupan dan segala sisinya yang terang-kum dalam keseimbangan. Kesejahteraan juga ada hubungan yang bersejarah dengan kalimah bahasa Arab "al-Falah", yang bermaksud kejayaan dan kebahagiaan yang dirasai hasil daripada pengalaman kerohanian membersihkan jiwa dalam mentaati perintah Allah Azza Wajalla.

(Anwar Ibrahim, 2023:61)

Namun secara asasnya kalimah hormat mengandungi konotasi maruah manusia. Suatu kalimah lain yakni adab, yang berasal daripada bahasa Arab, mengandungi yang sama konotasi seperti budi bahasa, kesopanan dan ketawadukan dan dilihat bukan semata sebagai asas kepada tingkah laku tetapi juga sebagai asas kepada sebuah peradaban.

(Anwar Ibrahim, 2023:93)

Selari dengan objektif penulisan buku ini, pengenalan Malaysia Madani, konsep negara bangsa, jati diri bangsa Malaysia, raja berperlembagaan, kedaulatan undang-undang dan keluhuran perlembagaan menghiasi turutan bab sekali gus dikupas dari sudut jurisprudens watan. Kesemua sudut tersebut penting kerana menjelaskan etika mengikut konteks tempatan dalam pelaksanaan polisi Malaysia Madani.

Pengenalan Malaysia Madani dan konsep negara bangsa yang ditandai masing-masing sebagai bab pertama dan bab kedua membuka tirai perbincangan buku ini kerana perbincangan bab kedua-dua ini melatari konsep Malaysia Madani itu sendiri untuk membentuk sebuah masyarakat



besar yang harmonis, berjati diri dan cintakan tanah air yang mendukung nilai kesejahteraan dan hormat.

Konsep kerakyatan, kebangsaan dan kewarganegaraan dicerakinkan dalam bab kedua untuk memberikan justifikasi pemupukan nilai watan sebagai Impetus menjayakan agenda perpaduan rakyat Malaysia yang Madani melalui semangat cintakan tanah air berpendekatan asimilasi dan akomodasi.

Bab ketiga mengemukakan elemen jati diri bangsa Malaysia seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Bab ini turut membedah polarisasi masyarakat sebelum Hari Persekutuan Tanah Melayu 1948 untuk memberikan gambaran sebenar latar belakang rakyat raja Melayu sebelum diperkenalkan sistem kewarganegaraan yang mensyaratkan Tanah Melayu sebagai tanah air sebenar serta tempat tumpah kesetiaan yang tidak berbelah bahagi oleh rakyatnya. Dilanjutkan perbahasan tentang elemen yang terpelihara sehinggalah pembentukan Malaysia sebagai *supra nation*. Isu dan cabaran dalam perkembangan negara bangsa Malaysia untuk melestarikan jati diri wataninya merentasi kepelbagaian yang ada turut dikupas.

Bab keempat mula menyusuri sistem politik dan perundangan di Malaysia yang bermula dengan sejarah perundangan raja berperlembagaan dan bagaimana ia mentakrifkan pengaruh pemerintahan beraja dalam Malaysia Madani. Sistem perlembagaan diperkenalkan berserta dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang menunjukkan kedudukan Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja Melayu mengikut jurisprudens undang-undang. Implikasi Perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan kedaulatan Malaysia pada Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja Melayu dikupas untuk menilai semula penerimaan sistem demokrasi berparlimen berkerangka *Westminster*. Dalam bab ini juga, dihuraikan prerogatif diraja serta disenaraikan peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang menyebut secara nyata kuasa dan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong untuk menunjukkan kedudukan baginda tidaklah hanya bersifat istiadat atau *ceremonial*.

Bab kelima mengemukakan perbincangan tentang falsafah undang-undang berkerangka kontinum dan dikotomi untuk mentakrifkan prinsip kedaulatan undang-undang yang terpakai di Malaysia. Sistem perlembagaan watan Tanah Melayu dan bagaimana pembinaan teras kenegaraan Malaysia diasaskan turut dikupas untuk menunjukkan konsep penguasa agung serta legitimasinya dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan.

Bab terakhir membahaskan prinsip keluhuran perlembagaan dengan menyoroti konsep struktur asas Perlembagaan Persekutuan berlandaskan kaedah pentafsiran undang-undang oleh Mahkamah Persekutuan. Elemen struktur asas tersebut dirumuskan daripada dapatan bab kelima dan bab keenam yang mengemukakan aspek seperti yang berikut:

1. Prinsip patuh syariah.
2. Etika pelaksana fungsi kuasa kedaulatan.
3. Prerogatif diraja dan doktrin nasihat.
4. Pemisahan cabang kuasa.
5. Federalisme.

Kelima-lima aspek tersebut merupakan elemen struktur asas Perlembagaan Persekutuan yang mempunyai hubungan akrab dengan sistem politik dan perundangan yang menjadi etika tadbir urus yang baik kepada kerangka etika Malaysia Madani.

Kupasan etika Malaysia Madani yang berlandaskan sistem politik dan perundangan mengikut sistem Perlembagaan Persekutuan amat penting kerana ia dapat memandu polisi Malaysia Madani di atas landasan yang berperlembagaan sekali gus menangkis segala tohmahan dan prasangka terhadap pelaksanaannya. Dalam pada itu juga, ia dapat menjawab hujahan pihak yang sering mencabar kedudukan elemen watan yang sudah terpelihara dalam Perlembagaan Persekutuan semata-mata dipengaruhi agenda dan kepentingan berbeza.

Lantaran prinsip yang sudah dirumuskan sebagai inti pati landasan perpaduan nasional melalui polisi Rukun Negara diangkat untuk mengukuhkan konsep Malaysia Madani. Berpaksikan pada aspek tersebut, perbincangan dalam buku



ini mengandungi kupasan; Raja berperlembagaan mewakili kesetiaan kepada raja dan negara, kedaulatan undang-undang dan keluhuran perlembagaan merupakan dua lagi tiang seri Rukun Negara di samping jati diri bangsa Malaysia yang mengemukakan aspek yang perlu disantuni dengan penuh kesusilaan oleh setiap warganegara Malaysia.

Ucapan setulus penghargaan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) atas penerbitan buku ini, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) sebagai majikan hakiki yang meminjamkan pengarang ke Institut Antarabangsa Pemikiran Islam dan Tamadun Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (ISTAC-UIAM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), YBhg. Dato' Profesor Ts. Dr. Yuserrie bin Zainudin, Naib Canselor UMPSA; YBhg. Tan Sri Dato' Profesor Emeritus Dzulkifli bin Abdul Razak, Rektor UIAM; YBhg. Datuk Profesor Dr. Abdelaziz Berghout, Dekan ISTAC-UIAM; Puan Hajjah Wan Maimunah binti Wan Embong, YM Datin Sharifah Zarinatasha binti Syed Azni Jamalullail, Encik Wan Ahmad Tirmidzi bin Wan Husain serta semua pihak yang telah memberikan sumbangan sama ada secara langsung, mahupun tidak sehinggalah buku ini berjaya diterbitkan dengan jayanya.

Akhirnya, konsep Malaysia Madani seperti yang digagaskan sebagai agenda utama perpaduan nasional dan reformasi negara diyakini dapat membina semula tamadun tanpa mencicirkan unsur insani dan jiwa bangsa jika sekira pelaksanaannya diletakkan di atas landasan berpaksikan sistem politik dan perundangan seperti yang dikemukakan di sini.

**Datuk Dr. Wan Ahmad Fauzi bin Hashim @ Wan Husain**

PJN., DPNS., SMT., PhD., M.Phil., LLB (Hons).

Profesor Madya

Institut Antarabangsa Pemikiran Islam dan Tamadun

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia/

Fakulti Pengurusan Industri

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah